

21/05/1997

PM temui Blair

Karim Sulaiman in London

LONDON, Selasa - Perdana Menteri baru Britain, Tony Blair memberi jaminan akan memperbaiki hubungan dengan Malaysia.

Jaminan itu diberikan oleh pemimpin Parti Buruh itu dalam pertemuan hampir 30 minit dengan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di pejabatnya di 10 Downing Street di sini, petang ini.

Dr Mahathir berkata dalam pertemuan itu mereka berbincang mengenai hubungan dua hala dan kedudukan ekonomi secara umum.

"Kita juga bercakap mengenai kedudukan Asia Tenggara dan Asia Timur," katanya kepada pemberita selepas pertemuan itu.

Dr Mahathir adalah pemimpin Asia pertama mengadakan pertemuan dengan Blair selepas pemimpin Parti Buruh itu memenangi pilihan raya umum Britain, awal bulan ini.

Perdana Menteri berada di sini selama lima hari kerana bercuti dan mengadakan lawatan kerja untuk mempromosikan Koridor Raya Multimedia (MSC) di Eropah.

Sebelum itu pagi ini ketika menyampaikan ucapan dalam Persidangan Pelaburan MSC, Dr Mahathir berkata abad ke-21 perlu dijadikan sebagai 'Abad untuk Dunia' dalam mewujudkan keamanan dunia yang belum pernah dirasai sebelum ini dan kemakmuran yang boleh dikongsi bersama, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Sehubungan itu, Perdana Menteri mencadangkan model baru pembangunan untuk era maklumat melalui konsep gabungan 'jaringan' syarikat yang memungkinkan pembangunan ekonomi dan kemakmuran dunia saling dinikmati bersama.

Menurutnya, dunia sudah memasuki era baru dengan pengeluaran barangan dan perkhidmatan boleh diglobalkan.

"Jika kita memilih untuk bekerjasama daripada bersengketa atau mengeksploitasi, pembangunan ekonomi dan kemakmuran dunia secara meluas dapat dicapai.

"Kreativiti, inovasi dan keusahawaan adalah sumber kepada ekonomi dan ini tidak boleh dibatasi oleh batas sempadan. Ini memerlukan pergerakan bebas manusia dan idea yang membolehkan syarikat, negara dan rakyat saling menerima manfaat daripada usaha itu.

"Perkara ini dimungkinkan hasil pewujudan nilai perkongsian melalui gabungan 'jaringan' di antara syarikat," katanya dalam ucapan bertajuk 'MSC: Jambatan Global Dari Eropah ke Asia Untuk Abad Dunia'.

Kira-kira 600 peserta dari kalangan ketua eksekutif syarikat terkemuka, cerdik pandai dan penyelidik industri teknologi maklumat dari Eropah menghadiri seminar bagi mempromosikan MSC di benua sebelah sini.

(END)